

# Air Empangan Durian Tunggal tahap amaran

**Ayer Keroh:** Takungan air di Empangan Durian Tunggal, di sini, berada pada tahap amaran dengan mencatatkan sebanyak 58 peratus air sejak kelmarin.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata situasi terkini kapasiti air itu menimbulkan sedikit keimbangan kepada kerajaan negeri, namun beliau yakin keadaan terbabit masih mampu menampung kegunaan penduduk di Melaka.

Katanya, dua empangan lain di negeri ini iaitu Empangan Jus dan Empangan

Asahan masing-masing di daerah Jasin masih lagi mempunyai kapasiti air yang sangat memuaskan, iaitu sebanyak 77 dan 89 peratus.

“Berikutan situasi amaran itu, saya menasihatkan orang ramai supaya mengambil langkah berjimat dalam penggunaan air sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan.

“Bagaimanapun, kita tetap berusaha untuk mengatasi kekurangan bekalan air di negeri ini, termasuk melakukakan pembenihan awan di ka-

wasan sasaran sekiranya tiada hujan dalam tempoh sebulan ini,” katanya selepas menghadiri perhimpunan bulanan kerajaan negeri di Seri Negeri, semalam.

Perhimpunan anjuran bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri serta Jabatan Kesihatan negeri itu turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Naim Abu Bakar, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Nazili Mahmood dan Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Datuk Dr Ghazali Othman.